

**Bahagian B****[ 100 markah ]****[ Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit ]**

**Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.**

1. Remaja hari ini gemar memakan makanan ringan dan makanan segera.

Tulis sebuah rencana tentang punca-punca dan kesan-kesan pengambilan makanan tersebut kepada remaja.

2. Kenaikan harga barang keperluan dan perkhidmatan telah membebankan perbelanjaan isi rumah.

Huraikan langkah-langkah yang patut diambil oleh ibu bapa dan ahli keluarga dalam menangani situasi sedemikian.

3. Kesedaran dan komitmen masyarakat amat dituntut dalam usaha kita mengurangkan kadar jenayah yang semakin meningkat sejak akhir-akhir ini.

Jelaskan peranan yang dapat disumbangkan oleh masyarakat dalam mengurangkan kadar jenayah di negara ini.

4. Bencana alam seperti gempa bumi, banjir dan ribut taufan di beberapa buah negara di dunia telah menjejaskan pembangunan dan kehidupan masyarakat di negara tersebut.

Sarankan bentuk bantuan yang boleh dihulurkan oleh masyarakat antarabangsa dalam usaha membantu meringankan beban yang ditanggung oleh negara-negara tersebut.

5. Komponen sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu menerapkan nilai-nilai murni yang dapat dijadikan pedoman dalam kehidupan oleh generasi muda pada hari ini.

Berikan pendapat anda.

**KERTAS SOALAN TAMAT**